

04 JUN 1998

Osu-Sabah

OSU PERJELAS KEPUTUSAN BALIK KE SABAH

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Osu Sukam yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi mulai Isnin ini untuk mengambil-alih jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, berkata beliau membuat keputusan kembali ke kancah politik negeri bagi memantapkan lagi kekuatan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya negeri akan datang.

"Ini kehendak kepimpinan parti setelah mengambilkira keadaan yang berlaku dan yang penting sebagai satu tanggungjawab demi kepentingan parti dan negeri Sabah," katanya dalam temuramah dengan Bernama di pejabatnya di Wisma Tanah di sini hari ini.

Katanya, beliau akan memanfaatkan sepenuhnya pengalaman bekerja selama 12 tahun di peringkat pusat, termasuk empat tahun sebagai menteri Kabinet, yang telah "mendewasakannya" terutama dalam melihat sesuatu perkara itu dari sudut nasional dan bukan kenegerian atau dari sudut yang sempit.

"Ini satu pengalaman yang cukup berharga dan saya akan gunakannya untuk kepentingan bukan sahaja Umno tetapi juga BN dan rakyat Sabah keseluruhan," katanya dalam wawancara dengan Bernama di pejabatnya di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan hari ini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju agar Osu mengambil-alih jawatan dalam Kabinet negeri itu yang dikosongkan oleh Datuk Ghapur Salleh Khamis lepas.

Ghapur enggan dilantik semula dalam Kabinet baru pimpinan Tan Sri Bernard Dompok. Kabinet baru itu dibentuk apabila Dompok mengambil-alih jawatan Ketua Menteri daripada Datuk Yong Teck Lee mengikut konsep penggiliran jawatan itu yang diperkenalkan oleh BN.

Menurut Osu, pengalaman sebagai menteri Kabinet pimpinan Dr Mahathir amat berharga dan satu penghormatan, "terutama bagi rakyat dari Sabah atau Sarawak" dan peluang itu telah memberikannya banyak pengalaman dari segi pentadbiran dan mematangkan fikirannya.

"Kalau dulu sebelum datang ke KL, saya cuma memikirkan apa yang baik untuk Sabah tetapi sekarang saya semakin dewasa, (melihat) bagaimana menghadapi kehendak kepentingan masyarakat yang berbilang kaum," katanya.

"Kita tidak disempitkan dengan pemikiran untuk memikirkan apa yang baik untuk kita sahaja atau untuk kaum kita atau bangsa kita sahaja...kehendak dan kepentingan orang lain juga perlu diambilkira," katanya.

"Inilah kejayaan Malaysia yang saya rasa boleh saya pergunakan apabila berkhidmat di Sabah," kata Osu yang dilantik Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi sejak 1994. Sebelum itu beliau menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Timbalan Menteri Kerja Raya.

Osu, yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, berkata kemasukan Umno ke negeri itu telah membawa perubahan kepada pemikiran penduduk Sabah.

"Kalau sebelum Umno dahulu, kita hanya memikirkan apa yang baik untuk diri kita sahaja, part-parti politik hanya memperjuangkan apa yang baik untuk bangsa mereka dan untuk Sabah disebabkan parti di Sabah berasaskan kepada kesukuan," katanya.

"Apabila Umno masuk, Umno dapat menukarkan sentimen kenegerian dan kesukuan ini kepada sentimen satu negara, bukan sahaja kepentingan bangsa yang diambilkira tetapi kepentingan negara," katanya.

Perkara ini perlu diambilkira untuk menentukan kesejahteraan rakyat, pembangunan dapat diteruskan dan yang penting kestabilan politik, katanya.

Katanya apa yang paling menggalakkan ialah penerimaan rakyat berbilang

kaum di Sabah terhadap BN sebagai satu-satunya kuasa politik yang terbukti berupaya membawa kestabilan dan pembangunan ekonomi di negeri itu.

" Rata-rata rakyat sudah menerima bahawa demi kemajuan Sabah, parti yang memerintah mesti mendapat sokongan padu dari kerajaan pusat dan hanya BN berada dalam kedudukan demikian," kata Osu.

Beliau bagaimanapun mengakui BN akan diberi tentangan hebat dari parti-parti lawan pada pilihan raya negeri nanti tetapi pada masa yang sama yakin tentang kematangan rakyat Sabah membuat pilihan yang bijak demi masa depan mereka.

" Untuk mewujudkan kestabilan politik, masyarakat berbilang kaum mesti memahami pentingnya mereka perlu bekerjasama, menghormati dan mengambilkira kehendak dan kepentingan orang lain.

" Kekayaan hasil bumi sesebuah negeri tidak akan menjanjikan masa depan yang cerah jika negeri tidak ditadbir dengan baik," kata Osu.

Osu juga berkata memandangkan kegawatan ekonomi, beliau juga berdepan dengan kedudukan ekonomi negeri yang tidak sekukuh dahulu dan yang memerlukan bantuan terutama dari kerajaan pusat untuk memulihkannya.

Ditanya mengenai tarikh pilihan raya negeri, beliau berkata pendapat peribadinya ialah ia mungkin akan diadakan penghujung tahun ini.

-- BERNAMA

AZZ